

20/09/2003

#### Lawatan PM ubah senario politik Kelantan

Rokaid Chik

KOTA BHARU: Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke Kelantan pada 15 September lalu memberi kesedaran dan suntikan semangat kepada pemimpin Umno dan rakyat untuk mengubah senario politik Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Penerangan Umno negeri, Mohd Alwi Che Ahmad, berkata semua pihak dalam parti semakin bersemangat dan bekerja lebih gigih untuk memastikan kemenangan Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Peluang ini akan direbut Umno dan BN, lebih-lebih lagi kejayaan menumbangkan Pas akan menjadi hadiah kepada Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini.

"Untuk memastikan matlamat menjadi kenyataan, Umno giat menjalankan program gerak tumpuan peringkat kedua di seluruh kawasan peti undi bagi memberi penerangan kepada rakyat membabitkan ceramah yang dijangka berakhir sebelum bulan puasa ini.

"Gerak kerja siri pertama bermula awal tahun ini sudah menampakkan banyak kejayaan dan memberi kesan positif kepada Umno Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Pesta Bola Sepak Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketereh, di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Ketereh, dekat sini semalam.

Sebanyak 34 pasukan menyertai pertandingan itu bagi merebut piala pusingan Mohd Alwi yang menawarkan hadiah RM1,000 bagi juara, RM500 naib juara dan RM300 tempat ketiga.

Ditanya sikap rakyat terhadap kepemimpinan Pas sekarang, Mohd Alwi berkata, rakyat Kelantan dilihat bersedia menukar kerajaan apabila menyaksikan pelbagai pembohongan pemimpin Pas yang gagal menunaikan janji.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat, berkata kegagalan Pas menunaikan janji sejak memenangi pilihan raya tiga penggal lalu menyebabkan rakyat bosan dengan tipu helah Pas memperalatkan agama untuk politik.

Katanya, perubahan sikap rakyat semakin jelas, sekali gus meresahkan dan menimbulkan kebimbangan pemimpin Pas setiap kawasan di seluruh negeri.